



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# KEMAHIRAN MENGAJAR ABAD KE-21 PELAJAR PRAKTIKUM PROGRAM SARJANA MUDA PENDIDIKAN KHAS DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## ROSMANIRAH BINTI OTHMAN

UNVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEMAHIRAN MENGAJAR ABAD KE-21 PELAJAR PRAKTIKUM PROGRAM  
SARJANA MUDA PENDIDIKAN KHAS DALAM PENGAJARAN DAN  
PEMUDAHCARAAN (PdPc)**

**ROSMANIRAH BINTI OTHMAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SPGS/PS-388/2021  
Date : 08/08/2021

Bila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Karya Kuningan

Doktor Fakultas

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**Perakuan ini telah dibuat pada 25 (hari bulan) 7 (bulan) 2021.**I. Perakuan pelajar:**

Saya, ROSMADIZAH BINTI OTHMAN, NAMA MОСАТЕР, FPM (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEMAHAMIAN PENGETAHUAN PADA KE-41 PELAJAR PENGETAHUAN MUSLIMAH SERTAIAN MASA PEMERIKSAAN KARYA TULIKAN PENGETAHUAN DARI DEMANDIPERLAHARUAN (DOK)

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa perikanan, ekstrak, ruangan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatanganan pelajar

ptbupsi

**II. Perakuan Penyelia:**

Saya, DATO' IRMAZIAH DR. MOHAMAD BIN JABRAN (NAMA PENYELIAJ) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEMAHAMIAN MENGUNGKAPKAN ABADI KE-41 PENGETAHUAN PENGETAHUAN PROSES DAN KONSEP PENGETAHUAN YANG DILAKUKAN PENGETAHUAN DOK PENGETAHUAN (DOK)

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepelebihnya syarat untuk memperoleh ijazah SARJANA PENGETAHUAN (PENGETAHUAN YANG) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

3/8/2021

Tarikh

Tandatanganan Penyelia





## PENGHARGAAN

Syukur الْحَمْدُ لِلّٰهِ segala puji kepada Ilahi dan selawat salam ke atas junjungan mulia baginda Rasullah saw, ahli keluarga, serta para sahabat baginda. Syukur yang tidak terhingga atas nikmat kesihatan yang diberikan, masa dan kematangan berfikir sehingga akhirnya saya dapat menyiapkan dan menyempurnakan tesis ini.

Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada Profesor Madya Dr.Md. Nasir bin Masran selaku penyelia saya yang banyak memberi tunjuk ajar , bimbingan ,teguran dan nasihat yang berguna sepanjang proses melengkapkan tesis ini .

Tidak lupa kepada ibubapa saya, Puan Rosnanis binti Sudin dan Encik Othman bin Ibrahim yang banyak memberikan sokongan dan semangat untuk saya menyempurnakan kajian ini. Tanpa kerjasama kalian semua proses penyempurnaan tesis ini tidak berjalan dengan lancar.

Jutaan kalungan kasih kepada suami tercinta Mohd Sholihan bin Noraszhan yang tidak jemu memberikan nasihat, semangat dan sokongan fizikal mental sepanjang tempoh saya menyediakan tesis ini serta anakanda yang selalu memahami Mohd Azim Nazhan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yg terlibat dalam memberi pandangan dan idea dalam proses penyiapan tesis ini sama ada secara lansung atau tidak lansung.Sesungguhnya saya amat terharu atas sokongan kalian , hanya doa dan harapan agar Allah swt sahaja mampu membala jasa baik dan pengorbanan kalian semua.Saya juga berharap semoga kajian ini mampu memberikan manfaat kepada semua.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji tahap kemahiran asas mengajar abad ke-21 dalam PdPc pelajar praktikum sesuai dengan Standard 4 Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2). Kaedah kajian berfokus kepada pengetahuan, penguasaan dan hubungan kedua-duanya melibatkan 50 orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas Semester 1 sesi 2018/2019 yang pernah menjalani latihan praktikum. Kajian merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik secara *google form* sebagai instrumen kajian. Penganalisisan data bagi tujuan kajian ini menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Hasil kajian deskriptif menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan penguasaan sampel kajian berada pada tahap sederhana. Bagi analisis inferensi pula, tahap pengetahuan pelajar sarjana muda pendidikan khas dalam kemahiran asas mengajar abad ke-21 mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan kemahiran mengajar abad ke-21 pelajar sarjana muda pendidikan khas ( $r = 0.818$ ,  $p < 0.01$ ). Rumusan kajian ini menyumbang kearah pendidikan 4.0 yang dihasratkan dalam kualiti guru Malaysia dalam melaksanakan PAK21 yang menjadi agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Kata kunci: Kemahiran asas Mengajar, Abad ke-21, pelajar praktikum





## **21ST CENTURY TEACHING SKILLS OF PRACTICAL STUDENTS OF BACHELOR OF SPECIAL EDUCATION PROGRAM IN TEACHING AND FACILITATION (PdPc)**

### **ABSTRACT**

This study is about the level of 21st century basic teaching skills in PdPc among practical students, studied in the development of prospective teachers in accordance with Standard 4 Learning and Facilitation (PdPc) in “Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)”. It is observed in the knowledge, mastery and the relationship of both involving 50 students from Bachelor of Special Education Program, Semester 1 2018/2019 session, who have undergone practical training. The study is a survey study using a questionnaire in Google Forms as a research instrument. Descriptive and inferential statistics are used in data analysis to answer the research questions. The result of the descriptive study shows that the level of knowledge and mastery of the respondents are at a moderate level. As for the inference analysis, the level of knowledge of special education undergraduate students in basic 21st century teaching skills has a significant relationship with the mastery of the 21st century teaching skills of the special education undergraduate students ( $r = 0.818$ ,  $p < 0.01$ ). In conclusion, this study contribute towards education 4.0 desired in the quality of Malaysian teachers in implementing PAK21, which is the agenda of the Malaysian Education Development Plan (PPPM).





## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
------------------------------------	----

<b>PENGHARGAAN</b>	iii
--------------------	-----

<b>ABSTRAK</b>	iv
----------------	----

<b>ABSTRACT</b>	v
-----------------	---

<b>ISI KANDUNGAN</b>	vi
----------------------	----

<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
-----------------------	-----



<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
----------------------	------

<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
--------------------------	-----

<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
--------------	--------------------	---

1.1	Pengenalan	1
-----	------------	---

1.2	Latar Belakang Kajian	2
-----	-----------------------	---

1.3	Penyataan Masalah	5
-----	-------------------	---

1.4	Objektif Kajian	9
-----	-----------------	---

1.5	Pengenalan Kajian	10
-----	-------------------	----

1.6	Hipotesis Kajian	10
-----	------------------	----

1.7	Kepentingan Kajian	11
-----	--------------------	----





1.8	Batasan Kajian	12
1.9	Kerangka Konseptual	13
1.10	Definisi Operasional	14
1.10.1	Pelajar Praktikum	14
1.10.2	Kemahiran Asas Mengajar	17
1.10.2.1	Kemahiran Memulakan Pengajaran	18
1.10.2.2	Kemahiran Menerang	19
1.10.2.3	Kemahiran Menyoal	20
1.10.2.4	Kemahiran Mengilustrasi dengan Contoh	21
1.10.2.5	Kemahiran Variasi Ransangan	22
1.10.2.6	Kemahiran Komunikasi	23
1.10.2.7	Kemahiran Mengukuh	24
1.10.2.8	Kemahiran Menyusun Bilik Darjah	25
1.10.2.9	Kemahiran Demonstrasi	26
1.10.2.10	Kemahiran Mengurus Tingkah Laku	27
1.10.3	Guru Abad ke-21	28
1.10.4	Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	30
1.11	Rumusan	30
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	31
2.1	Pengenalan	31
2.2	Tinjauan Literatur	32





2.2.1	Kemahiran asas Mengajar	32
2.2.2	Peranan Guru Abad 21	33
2.2.3	Peranan Guru Luar Negara	37
2.3	Teori Konstruktivisme	41
2.3.1	Pendekatan Teori	42
2.3.2	Kerangka Teori Kajian	43
2.3.3	Kajian berkaitan Teori	44
2.4	Rumusan	49
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	50
3.1	Pengenalan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Persampelan Kajian	51
3.4	Instrumen Kajian	52
3.5	Kesahan dan kebolehpercayaan	54
3.5.1	Kesahan	54
3.5.2	Kebolehpercayaan	55
3.6	Kajian Rintis	56
3.7	Prosedur Pelaksanaan	57
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	59
3.9	Kaedah Analisis Data	59
3.10	Rumusan Bab	62
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	63





4.1	Pengenalan	63
4.2	Latar Belakang Responden	64
4.2.1	Profil Sampel Mengikut Jantina	65
4.2.2	Profil Sampel Kajian Mengikut Umur	65
4.2.3	Profil Sampel Kajian Mengikut Semester Pengajian	66
4.3	Kebolehpercayaan Data Sebenar	67
4.4	Taburan Kenormalan	68
4.4.1	Ujian Kepencongan Skewness dan Kurtosis	68
4.4.2	Histogram	69
4.5	Tahap Pengetahuan Kemahiran Mengajar Abad Ke-21	70
4.6	Tahap Penguasaan Kemahiran Mengajar Abad Ke-21	72
4.6.1	Guru Sebagai Perancang	73
4.6.2	Guru Sebagai Pengawal	74
4.6.3	Guru Sebagai Pembimbing	75
4.6.4	Guru Sebagai Pendorong	76
4.6.5	Guru Sebagai Penilai	77
4.6.6	Murid Sebagai Pembelajar Aktif	78
4.7	Analisis Perbezaan Tahap Pengetahuan Dan Penguasaan Kemahiran Mengajar Abad Ke-21 Pelajar Mengikut Jantina	79
4.8	Hubungan Antara Pengetahuan Dengan Penguasaan Kemahiran Mengajar Abad Ke-21 Pelajar	81
4.9	Kesimpulan	83





<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	84
5.1	Pengenalan	84
5.2	Perbincangan Kajian	85
5.3	Kesimpulan Kajian	88
5.4	Implikasi Kajian	90
5.4.1	Pelajar Praktikum	91
5.4.2	Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	95
5.4.3	Murid Berkeperluan Khas	97
5.4.4	Profesional Perguruan	99
5.4.5	Bahagian Pendidikan Bahagian Pendidikan Khas Malaysia	104
5.5	Cadangan Kajian	107
<b>RUJUKAN</b>		114
<b>LAMPIRAN</b>		122





## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
2.1	Definisi Teori Konstruktivisme	42
3.1	Skala Likert Instrumen Soal Selidik	53
3.2	Analisis Data	59
3.3	Interpretasi Min	60
3.4	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	62
4.1	Taburan Demografi Responden	64
4.2	Kebolehpercayaan Data Sebenar Kajian	67
4.3	Taburan Kenormalan	68
4.4	Tahap Pengetahuan Kemahiran Mengajar Abad Ke-21	70
4.5	Nilai Min dan Sisihan Piawai Tahap Penguasaan Kemahiran Mengajar Abad Ke-21	72
4.6	Guru Sebagai Perancang	74
4.7	Guru Sebagai Pengawal	75
4.8	Guru Sebagai Pembimbing	76





4.9	Guru Sebagai Pendorong	77
4.10	Guru Sebagai Penilai	78
4.11	Murid Sebagai Pembelajar Aktif	79
4.12	Ujian-t Perbezaan Tahap Pengetahuan Dan Penguasaan Kemahiran Mengajar Abad Ke-21 Berdasarkan Jantina	80
4.13	Hubungan Antara Pengetahuan Dan Penguasaan Kemahiran Mengajar Abad Ke-21	82
4.14	Rumusan Hipotesis	83





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Model Standard Guru Malaysia	3
1.2 Korelasi Kerangka Konsep PAK21 dengan SKPMg2 (Standard 4)	5
1.3 Kerangka Konsep Kajian	13
2.1 Komponen Standard Guru Malaysia 2009	34
2.2 Kerangka Konsep Teori Kajian	43
3.1 Prosedur Pelaksanaan Kajian	58
4.1 Profil Sampel Kajian Mengikut Jantina	65
4.2 Profil Sampel Kajian Mengikut Umur	66
4.3 Profil Sampel Mengikut Semester Pengajian	66
4.4 Histogram Pengetahuan Kemahiran Mengajar Abad Ke-21	69
4.5 Histogram Penguasaan Kemahiran Asas Mengajar Abad Ke-21	69





## SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
SGM	Standard Guru Malaysia
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang ke-2
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PAK21	Pembelajaran Abad ke-21
GTP	Program Transformasi Kerajaan
SPSS	<i>Statistical Packages for Social Science</i>
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

## SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen Soal Selidik
- B *Frequency Table*
- C *Frequency Table*
- D *Descriptives*
- E *Reliability*
- F *T-Test*
- G *Correlations*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Warga pendidik berperanan utama dalam membentuk generasi muda masa kini mengikut acuan dengan budaya pemikiran aras tinggi, kreatif dan futuristik (Mahdzir, 2017). Pelaksanaan transformasi pendidikan dilihat sangat memerlukan pendekatan dan strategi baharu. Hal ini kerana setiap kualiti bakal guru yang dihasilkan dapat memenuhi sasaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Tuntutan untuk mengetahui tahap bakal guru abad ini dalam meningkatkan profesionalisme dan identiti guru perlu dilakukan dalam melahirkan guru berkualiti sebelum mengajar di sekolah kelak. Peningkatan profesionalisme merupakan proses meningkatkan kemahiran dan nilai tambah dalam diri bakal pendidik berdasarkan kepada perubahan persekitaran bagi menghasilkan produk berkualiti dalam pendidikan (Hassel & Ridout, 2018). Tuntutan transformasi abad ke-21 kini perlu diadaptasi oleh semua pendidik agar sesuai dengan generasi yang dididik.





Penyelidikan pendidikan menunjukkan bahawa program pembangunan profesional bertujuan membangunkan kemahiran asas mengajar guru mengikut abad ke-21 tidak boleh dibatasi. Sebaliknya perlu dipergiat dalam menyediakan pelajar praktikum dengan input khusus termasuk peluang untuk menggubal strategi pengajaran tertentu secara kolektif mengenai pengalaman mereka (Van Driel & Berry, 2012). Pengetahuan pedagogi pelajar praktikum abad ini dilihat perlu untuk mereka memahami ciri belajar, bagaimana mengajar dengan pelbagai keperluan termasuk pendekatan perancangan pengajaran, strategi pengajaran dan teknik penilaian sesuai dengan peranan guru itu sendiri.

## 1.2 Latar Belakang Kajian



Kemahiran abad ke-21 sangat utama dalam peluang pekerjaan pada kini (Quek, 2005; Yusoff, Ismail & Sidin, 2008; Rasul, Ismail, Ismail, Rajuddin & Rauf, 2009; Pukelis & Pileicikiene, 2010). Guru perlu peka dalam literasi media baru dan mengadaptasi segala kemahiran bekerja yang pelbagai (Duncan, 2009; Rotherham & Willingham, 2009; Greenhill, 2010). Keperluan ini dilihat menuntut golongan guru untuk menguasai keseluruhan impak pendidikan abad ke-21 sepenuhnya dalam PdPc.

Menurut KPM (2016) dalam Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan, kualiti guru dilihat salah satu faktor yang terpenting sebagai menentukan kejayaan pendidikan negara. Berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tahun 2013-2025, penentu bagi kejayaan dalam sistem pendidikan ditentukan dengan lima aspirasi sistem dan enam aspirasi murid yang disasarkan.



Namun begitu, hasrat PPPM terletak kepada kualiti Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkhidmat dalam sektor pendidikan. Malah, amalan dalam nilai profesionalisme keguruan yang terkandung dalam Standard Guru Malaysia (SGM) juga penting sebagai pengukur kualiti seseorang guru yang melonjakkan pendidikan abad ke-21.



*Rajah 1.1.* Model Standard Guru Malaysia

Menurut Zarina (2016), penambahbaikkan profesionalisme perguruan secara berterusan merupakan tujuan utama KPM dalam membentuk guru yang memiliki kualiti masa kini. Ia sebagai penentu sasaran keberjayaan bagi pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara. Bahkan secara tidak langsung ia berkait secara langsung dengan keberhasilan murid dalam PPPM.

Elemen dalam SGM perlu ditekankan dan menjadi panduan utama dalam perancangan serta latihan perguruan (Tamuri, Ismail & Jasmi, 2012). Dalam Standard 4: Pembelajaran dan Pemudahcaraan melalui Standard Kualiti Pendidikan Malaysia



Gelombang ke-2 (SKPMg2) yang menyatakan peranan guru dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) terbahagi kepada beberapa bahagian. Guru dilihat berperanan sebagai pemudahcara dalam PdPc yang bermakna sekaligus mempelbagaikan potensi murid secara keseluruhan dan berterusan.

Selaras dengan Revolusi Pendidikan 4.0, pendidikan negara kini penuju kepada perubahan yang holistik kepada warga pendidik. Dalam Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) oleh KPM (2017) telah menyenaraikan Korelasi Pembelajaran Abad ke-21 dengan elemen di dalam Standard 4 SKPMg2.

#### KORELASI KERANGKA KONSEP PAK21 DENGAN SKPMG2 (STANDARD 4)

<b>KERANGKA KONSEP PAK21</b>	<b>Pembelajaran</b> <b>Penyelesaian</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan RPH           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Objektif</li> <li>- Strategi/Aktiviti</li> </ul> </li> <li>Menentukan koedukasi Pentaksiran</li> <li>Penyediaan Sumber Pendidikan</li> </ul>	<b>Korelasi</b> <b>Penyelesaian</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengawal proses pembelajaran           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengelola isi pelajaran/Inso dan aktiviti</li> </ul> </li> <li>Mengawal suasana pembelajaran           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengawas komunikasi murid</li> <li>- Masyarakat atau murid</li> <li>- Mewujudkan kiasana menyeronokkan</li> </ul> </li> </ul>	<b>Imajinasi</b> <b>Bekalkan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi tumpuan oja lemah isi pelajaran dan aktiviti</li> <li>Memandu murid           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membuat kepulusan dan menyelesaikan masalah</li> <li>- Memanfaatkan sumber</li> <li>- Menggalunggalikan isi pelajaran</li> </ul> </li> </ul>
<b>KERANGKA KONSEP PAK21</b>	<b>Tumbuhan Akaratif dan Koedukasi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendorong minat:           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Meninggung konsentrasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreatif serta membuat keputusan dan meryealisasikan masalah</li> <li>- Mewujudkan peluang murid memimpin</li> </ul> </li> <li>Mendorong emosi murid           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gafakor Penghargaan/Hibah</li> </ul> </li> </ul>	<b>Korelasi</b> <b>Penyelesaian</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan penilaian secara sistematis teratur dan bertentangan</li> <li>Menggunakan perbagai kaedah           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengajar/membentuk aktiviti pemulihara/pengikoyas</li> <li>- Membuat kelakar</li> <li>- Menyemak mental hasil kerja/johkan/tigasan</li> </ul> </li> </ul>	<b>Imajinasi</b> <b>Menyelesaikan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ikut melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara bekerjasama dengan:           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berkolaborasi</li> <li>- Berperpaduan kritis dan kreatif</li> <li>- Aktif, yakin dan berhemah</li> </ul> </li> </ul>





### Rajah 1.2. Korelasi Kerangka Konsep PAK21 dengan SKPMg2 (Standard 4)

Merujuk kepada Standard 4 Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Khas yang dikeluarkan oleh KPM, aspek ini perlu dinilai agar pelaksanaan pendidikan berkesan serta mampu mengembangkan potensi pelajar ke tahap yang optimum. Korelasi ini akan dijadikan fokus kajian dan disesuaikan untuk mendapatkan maklumat mengenai kemahiran asas mengajar abad ke-21.

Sesetengah berpendapat bahawa pengajaran yang berkesan dari pengajaran reflektif. Pengajaran reflektif memerlukan guru berfikir secara mendalam tentang teori dan amalan mengajar dan menilai keberkesanan mereka sendiri. Sesetengah pendidik menyatakan pengajaran berkesan ialah membuat keputusan yang baik. Pengambilan keputusan guru terbahagi kepada tiga kategori iaitu kandungan untuk mengajar, perkara yang pelajar lakukan untuk belajar dan menunjukkan pembelajaran telah berlaku untuk memudahkan pemerolehan pembelajaran itu. Pengambilan keputusan yang baik memerlukan asas pengetahuan asas teoritis pepejal dan keupayaan pengetahuan aktif untuk menerapkan pengetahuan teoritikal. Guru yang berkesan ialah seseorang yang dapat membawa hasil pembelajaran yang dimaksudkan. Dimensi kritikal pengajaran yang berkesan adalah niat dan pencapaian.

### 1.3 Penyataan Masalah

Teknik mengajar guru telah sememangnya mempunyai hubungan yang utuh dengan hasil pembelajaran dalam Pendidikan Abad Ke-21(PAK21) (Shaw, Bourke, Holmes, Preston & Smith, 2013). Namun begitu, ada segelintir kecil guru yang sudah bersedia



dengan norma kemahiran pendidikan abad ke-21. Bahkan, penguasaan guru masih dilihat kurang terutamanya elemen-elemen berkaitan kemahiran PAK21.

Menurut Noraini (2015), sekiranya tahap kefahaman guru terhadap sesuatu konsep tinggi, maka secara tidak langsung ia akan memberi gambaran jelas terhadap tindakan, keputusan dan amalan guru tersebut di dalam bilik darjah. Pendidik iaitu guru dilihat merupakan satu daripada faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan dalam menguasai kemahiran abad ke-21 iaitu komunikasi, pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah kepada murid sepanjang sesi pembelajaran (Carlgren, Elmquist & Rauth, 2014).

Seterusnya, pengetahuan pelajar praktikum masih lagi kurang dalam pedagogi abad ke-21 sebelum pergi ke latihan mengajar. Menurut Moulding, Stewart dan Dunmeyer (2014), bakal guru yakni pelajar jurusan pendidikan dilihat masih memerlukan dorongan daripada penyelia masing-masing dalam melaksanakan tugas semasa praktikum kerana keberkesanan pengajaran dalam kajian beliau menunjukkan data yang masih rendah. Dalam konstruktivisme, pengetahuan guru perlu dibina dan dibentuk dalam persekitaran konteksnya melalui pengalaman (Liu & Chen, 2010).

Penerimaan pelajar terhadap ciri-ciri abad ke-21 berada pada tahap yang sederhana menggambarkan kemahiran yang dimiliki guru menerapkan pedagogi abad ke-21 masih perlu dipertingkatkan pada masa ini (Ismail & Ismail, 2018). Hasil kajian beliau juga mendapati bahawa aspek komunikasi berkesan dalam PdPC abad ke-21 hasil pada tahap yang sederhana ( $\text{min}=3.69$ ). Bahkan, lima komponen kemahiran abad ke-21 yang dikaji iaitu literasi era digital, pemikiran inventif, penghasilan produktiviti tinggi serta nilai dan norma kerohanian berada pada tahap yang sederhana ( $\text{min}=3.92$ ).



Kekangan guru pelatih praktikum untuk mengaplikasi konsep PAK 21 juga diambil kira. Hasil temu bual bersama guru dalam kajian bertajuk Aplikasi Konsep 4C Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institusi Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail menunjukkan aspek kemudahan infrastruktur menjadi kekangan dalam pelaksanaan disebabkan keadaan kelas yang tidak kondusif.

Penguasaan guru pelatih mengenai konsep keseluruhan PAK 21 juga didapati masih kurang jelas (Ismail & Ismail, 2018). Hal ini disebabkan oleh tiada pendedahan dan maklumat khusus sebelum menjalani praktikum di sekolah. Guru-guru pelatih praktikum juga kurang dilibatkan dalam latihan profesionalisme abad ke-21 sepanjang berada di sekolah. Jansen dan van der Merwe (2015) menyatakan kekurangan dari sudut kefahaman tentang sesuatu kemahiran akan memberi kesan implisit kepada sikap guru. Guru yang tiada kemahiran teknologi digital umpamanya akan mengelakkan diri dalam melaksanakan PdPc menggunakan teknologi digital dalam aktiviti PdPc.

Pembina dasar menghuraikan kebimbangan yang semakin meningkat mengenai kualiti tenaga kerja guru. Pengagihan guru dan impak penolakan guru yang meninggalkan profesi terhadap kualiti guru secara keseluruhan bergantung kepada keberkesanan. Begitu juga, pengantian guru boleh meringankan atau memanipulasikan ketidakadilan dalam pengagihan guru, bergantung kepada guru yang mengubah sekolah (Li Feng dan Tim R. Sass, 2017).

Di samping itu, Linda Darling Hammond (2017) menerangkan pendidikan guru di bidang kuasa seluruh dunia yang mempunyai sistem maju untuk pembangunan guru diteliti dasar dan praktik pendidikan guru di Australia dengan tumpuan di Victoria dan





New South Wales, Kanada dengan tumpuan di Alberta dan Ontario, Finland dan Singapura dalam konteks pengambilan, persiapan, induksi, pembangunan profesional yang sedang berjalan dan peningkatan kolektif amalan. Perbandingan amalan ini dengan guru di Amerika Syarikat dan menilai cabaran yang dihadapi oleh negara dalam mengubah sistem pembangunan guru. Negara luar turut menilai aspek praktikum yang sedang berlangsung dalam sistem pendidikan mereka.

Pelajar yang mendaftar dalam program pendidikan boleh memperoleh pengetahuan pelajaran, mengkaji proses pembelajaran dan memahami asas-asas pendekatan pendidikan kepada perancangan, arahan dan penilaian. Walau bagaimanapun, pelajar praktikum ada kesilapan dibuat apabila menjadi guru baru justeru mereka perlu memperbaiki kemahiran asas mengajar (Catherine E. Casey dan Ruth A. Childs, 2007). Pelajar praktikum memerlukan masa untuk belajar mengajar dalam konteks tertentu dan memperoleh pengetahuan tentang komuniti sekolah.

Pengetahuan pedagogi pelajar praktikum perlu memahami ciri belajar, bagaimana mengajar dengan pelbagai keperluan termasuk pendekatan perancangan pengajaran, strategi pengajaran dan teknik penilaian. Oleh kerana pengetahuan kandungan pedagogi merangkumi pemahaman guru tentang bagaimana pelajar belajar atau gagal belajar, perkembangan pedagogi adalah matlamat penting untuk memberi tumpuan kepada program pembangunan profesional.

Penyelidikan pendidikan menunjukkan bahawa program pembangunan profesional bertujuan membangunkan kemahiran asas mengajar guru tidak boleh dibatasi sebaliknya, program sedemikian hendaklah sejajar dengan amalan profesional guru dan sebagai tambahan kepada menyediakan pelajar praktikum dengan input





khusus termasuk peluang untuk menggubal strategi pengajaran tertentu dan mencerminkan secara individu dan secara kolektif mengenai pengalaman mereka (Jan H. Van Driel dan Amanda Berry, 2012).

Secara keseluruhannya, pelajar praktikum dikehendaki menguasai kemahiran asas mengajar pada tahap sangat baik sebelum bertugas di sekolah. Warga sekolah sentiasa meletakkan pencapaian tinggi ke atas pelajar praktikum untuk mengajar murid di sekolah terutamanya dalam bidang pendidikan khas yang memerlukan kemahiran mengajar menarik minat murid.

#### 1.4 Objektif Kajian



Objektif kajian ialah:

- i. Untuk mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar sarjana muda pendidikan khas terhadap kemahiran mengajar abad ke-21
- ii. Untuk mengenalpasti tahap penguasaan pelajar sarjana muda pendidikan khas terhadap kemahiran mengajar abad ke-21.
- iii. Untuk mengenalpasti perbezaan tahap pengetahuan dan penguasaan kemahiran mengajar abad ke-21 pelajar sarjana muda pendidikan khas mengikut jantina
- iv. Untuk mengenalpasti hubungan di antara pengetahuan dan penguasaan kemahiran mengajar abad ke-21 pelajar sarjana muda pendidikan khas.





## 1.5 Pengenalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:

- i. Apakah tahap pengetahuan pelajar sarjana muda pendidikan khas terhadap kemahiran mengajar abad ke-21?
- ii. Apakah tahap penguasaan pelajar sarjana muda pendidikan khas terhadap kemahiran mengajar abad ke-21?
- iii. Apakah tahap pengetahuan dan penguasaan kemahiran mengajar abad ke-21 pelajar sarjana muda pendidikan khas mengikut jantina?
- iv. Apakah hubungan di antara pengetahuan dan penguasaan kemahiran mengajar abad ke-21 pelajar sarjana muda pendidikan khas?



## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini ialah:

$H_01$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan dan penguasaan kemahiran mengajar abad ke-21 pelajar sarjana muda pendidikan khas mengikut jantina.

$H_02$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan kemahiran mengajar abad ke-21 pelajar sarjana muda pendidikan khas mengikut jantina.

$H_03$ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan penguasaan kemahiran mengajar abad ke-21 pelajar sarjana muda pendidikan khas.



## 1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dijadikan sebagai asas dalam menentukan penambah baikkan pembelajaran pelajar Program Sarjana Muda Pendidikan Khas dalam kemahiran mengajar khususnya dalam memahami peranan guru mendepani pendidikan abad ke-21. Asas kepada keberkesanannya dan kualiti seseorang guru adalah kemahiran menyampaikan ilmu dan kemahiran pembelajaran kepada murid. Kekurangan pemahaman tentang peranan dan kemahiran asas mengajar guru mempengaruhi kualiti pembelajaran murid dan sekaligus boleh menjelaskan penyediaan guru, pembangunan dan penilaian (Ruppar, Roberts & Olson, 2017). Apabila pemahaman dalam konsep tuntutan pendidikan terkini tidak dikuasai, bidang pendidikan khas akan tercicir kerana masih mengamalkan teknik pembelajaran tradisional. Kajian ini dilihat akan dapat memenuhi keperluan pelbagai pihak berkaitan dalam keberkesanannya ciri guru berkualiti yang akan dilahirkan berlandaskan pendidikan abad ke-21.

Perkara ini penting namun tidak banyak kajian yang dilakukan untuk memahami fenomena ini (Thiessen, 2007). Kajian Sokal dan Sharma (2014) menyimpulkan bakal guru perlu menuntut tahap penyediaan dan perancangan khusus yang lebih tinggi untuk kejayaan pelaksanaan matlamat pendidikan yang melibatkan penerapan peranan seorang guru yang berkualiti. Guru memerlukan pengetahuan mendalam tentang kemahiran asas mengajar dan mesti tahu apa yang diperlukan untuk mengajar murid, menyediakan persekitaran pendidikan yang menyokong pembelajaran dan menggalakkan pembelajaran, mengetahui ciri perkembangan yang tidak normal, menganalisis tugas terkini dengan kaedah pengajaran (Hillel Lavian, 2015).



Kajian ini akan memberi maklum balas tentang elemen dalam kemahiran pembelajaran dan pembelajaran yang tidak dikuasai oleh mereka. Dengan kemahiran asas mengajar ini membantu mempromosi pengalaman mengajar pada masa nyata. Maka, ia dapat membantu pihak pembuat dasar untuk mengambil langkah-langkah dalam memperkembangkan elemen pendidikan abad ke-21 dalam setiap kemahiran bukan sahaja pedagogi amnya untuk pendidikan khas bagi murid bermasalah pembelajaran. Di samping itu juga, mereka boleh menilai, merancang dan melaksanakan tindakan susulan berkaitan keperluan penambahbaikan dalam kursus pengajian dalam menerapkan identiti guru dalam diri bakal guru yakni pelajar praktikum.


### 1.8 Batasan Kajian



Kajian ini, terdapat beberapa limitasi yang dikenalpasti iaitu kajian ini hanya menumpukan kepada pelajar Sarjana Muda Pendidikan Khas Universiti Pendidikan Sultan Idris yang pernah menjalani praktikum pada semester 2 2018/2017. Hal ini disebabkan oleh mereka pernah mengaplikasikan pembelajaran dan pemudahcaraan kepada murid bekeperluan khas yang sebenar. Bahkan mereka mempunyai pengalaman dalam persekitaran kelompok guru abad ke-21 semasa menjalani latihan mengajar selama 16 minggu. Skop kajian ini terbatas hanya kepada kemahiran mengajar abad ke-21 berdasarkan Standard 4 SKPMg2 yang dijadikan fokus dalam melahirkan bakal guru yang berkualiti.



## 1.9 Kerangka Konseptual



Rajah 1.3. Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian yang dirangka menjadi hala tuju kepada kajian yang akan dijalankan. Dalam kerangka ini, terdapat dua pemboleh ubah yang diletakkan oleh pengkaji. Pemboleh ubah kajian sesuatu yang ditetapkan pengkaji untuk dikaji sampai memperoleh informasi tentang hal tersebut (Sugiyono, 2014). Dalam kajian ini terdapat dua pemboleh ubah diantaranya:

- a) Pemboleh ubah tidak bersandar

Pemboleh ubah tidak bersandar iaitu pemboleh ubah bebas adalah pemboleh ubah yang mempengaruhi atau dipanggil *variable stimulus* yang menjadi sebab perubahan atau timbulnya pemboleh ubah bersandar (Sugiyono, 2014). Dalam kajian ini, pemboleh ubah tidak bersandar ialah pengetahuan, penguasaan, dan jantina responden.

b) Pemboleh ubah bersandar

Pemboleh ubah bersandar juga disebut pemboleh ubah akibat atau akan berubah akibat pengaruh dan perubahan yang terjadi pada pemboleh ubah tidak bersandar (Dharma & Kelana, 2011). Dalam kajian ini, pengkaji meletakkan kemahiran mengajar abad ke-21 sebagai pemboleh ubah bersandar.

## 1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional disenarai bagi membantu kajian untuk difahami dengan lebih mendalam setiap kajian yang berkait dilaksanakan secara keseluruhan. Secara keseluruhan operasional membantu pengkaji menyelaraskan fahaman kajian agar tidak bercanggah dengan dapatan yang direkodkan. Berikut disenaraikan definisi bagi setiap terminologi dalam kajian ini.

### 1.10.1 Pelajar Praktikum

Praktikum merujuk kepada Latihan Mengajar. Ia diwajibkan kepada setiap pelajar selama 16 minggu (satu semester) semasa pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dalam Buku Kaedah Peraturan Akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris 2008 menakrifkan latihan mengajar sebagai amali pengajaran yang dijalankan di sekolah atau institusi pendidikan bagi satu tempoh yang telah ditetapkan oleh Senat. Dalam Program Sarjana Muda Pendidikan Khas pula, pelajar jurusan ini diwajibkan memilih sekolah menengah yang memiliki program pendidikan khas.



Praktikum merupakan salah satu komponen wajib dalam program latihan pendidikan guru yang bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada pelajar pendidikan supaya dapat mempraktikkan teori-teori yang dipelajari dalam pelbagai situasi sebenar melalui bimbingan dan kolaborasi dengan guru pembimbing di sekolah dan pensyarah pembimbing di institusi (Guat, 2013).

Praktikum bertujuan memberi peluang kepada guru pra-perkhidmatan membangunkan kemahiran dan pengetahuan praktikal, menerima maklum balas dari pakar dan profesional dan mendapat pengalaman dengan pelajar dan persekitaran sekolah yang dapat membantu secara langsung mereka bersedia untuk mengajar kelas (Bardiee & Kaufman, 2015).

Matlamat latihan praktikum dijalankan ialah untuk memberi pendedahan terhadap elemen praktis dan kemahiran kerja sosial dalam konteks sebenar sebelum menempuh alam kerjaya. Usaha melahirkan graduan yang lengkap dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan berkaitan profesi kerja, komponen praktikum dilihat mewakili suatu gagasan penilaian yang kritikal bagi mengukur kemampuan pelajar dalam mengaplikasi ilmu teoritikal dan praktis secara menyeluruh dalam konteks amalan yang sebenar (Zakiyah, Abdul Hamid & Noor Azizah, 2011). Latihan yang berterusan untuk guru dapat memberi kesan langsung kepada pencapaian pelajar (UNICEF, 2000).

Praktikum merupakan salah satu komponen wajib dalam program latihan pendidikan guru yang bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada pelajar pendidikan supaya dapat mempraktikkan teori-teori yang dipelajari dalam pelbagai situasi sebenar melalui bimbingan dan kolaborasi dengan guru pembimbing di sekolah dan pensyarah pembimbing di institusi .





Latihan praktikal ialah salah satu program teras ke institusi yang lebih tinggi yang menghasilkan ijazah pendidikan. Pelajar yang dibimbing dalam praktikum dapat mengaitkan teori pedagogi dengan amalan mereka dalam bilik darjah serta menunjukkan pemikiran reflektif dalam usaha menambahbaik amalan profesionalisme keguruan mereka. Penyeliaan praktikum diadakan bertujuan memantau prestasi pelajar serta mendapat maklum balas daripada organisasi yang dilakukan oleh pensyarah atau tutor akademik yang dilantik mengikut setiap program pengajian di institusi masing-masing

Praktikum bertujuan memberi peluang kepada guru praperkhidmatan membangunkan kemahiran dan pengetahuan praktikal, menerima maklum balas dari pakar dan profesional dan mendapat pengalaman dengan pelajar dan persekitaran sekolah yang dapat membantu secara langsung mereka bersedia untuk mengajar kelas



Matlamat latihan praktikum diadakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar terhadap elemen praktis dan keperluan berkaitan kemahiran kerja sosial dalam konteks sebenar sebelum menempuh alam kerjaya. Usaha melahirkan graduan yang lengkap dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan berkaitan profesi kerja, komponen praktikum dilihat mewakili suatu gagasan penilaian yang kritikal bagi mengukur kemampuan pelajar dalam mengaplikasi ilmu teoritikal dan praktis secara menyeluruh dalam konteks amalan yang sebenar.



### 1.10.2 Kemahiran Asas Mengajar

Kemahiran asas mengajar yang merupakan set khusus tingkah laku yang boleh dikenalpasti diperlukan untuk melaksanakan fungsi pengajaran. Program pendidikan guru mestilah termasuk komponen latihan yang memberi tumpuan kepada pemerolehan kemahiran mengajar tertentu seperti kemampuan mengajukan pertanyaan yang dihendaki pelajar untuk berfikir dengan lebih mendalam untuk menulis penilaian yang baik atau untuk menguruskan bilik darjah untuk memudahkan pembelajaran pelajar.

Matlamat guru menjadi jelas berkesan sejajar dengan kemampuan berfikir secara kritis dan mencerminkan amalan pengajaran seseorang (Izumi-Taylor, Lee, Moberly & Wang, 2010). Kaedah pengajaran yang membolehkan pendekatan ini dilaksanakan termasuk kerja projek yang diperoleh daripada pengalaman semasa belajar, perbincangan yang membolehkan pelajar mengenali dan menyatakan perkara yang diajar dan juga membawa mereka untuk mengenal pasti perkara yang perlu diajar dan diamalkan.

Pembelajaran teknik penyelesaian masalah tertentu yang boleh digunakan untuk pelbagai keadaan. Aktiviti yang direka untuk memberi peluang kepada hasil pembelajaran tertentu. Pengalaman, refleksi, model pembelajaran merangkumi prinsip-prinsip yang harus difokuskan pada proses pengalaman pelajar berlaku dalam pelbagai konteks dengan tanggungjawab yang sesuai untuk perkara yang dipelajari (Reece & Walker, 2016).

### 1.10.2.1 Kemahiran Memulakan Pengajaran

Kemahiran mengajar boleh dibahagikan kepada beberapa kemahiran generik. Antaranya ialah kemahiran generik tersebut adalah kemahiran memulakan pengajaran. Oleh itu, semua bakal guru perlu menguasai kemahiran-kemahiran asas ini supaya apabila mereka memulakan tugas sebagai seorang guru terlatih, mereka sudah mempunyai asas kemahiran mengajar yang mantap. Kemahiran memulakan pengajaran merupakan set induksi. Pada peringkat memulakan pengajaran, guru perlu menyampaikan idea pengajaran kepada murid, memberi fokus ke dalam fikiran murid terhadap bahan pengajaran yang hendak disampaikan pada tersebut dan memberi kesediaan diri kepada murid untuk isi pengajaran. Set induksi hendaklah berkaitan dengan pengetahuan sedia ada murid sama ada berkaitan tajuk yang sebelumnya atau pengajaran mata pelajaran lain yang telah dipelajari.

Permulaan pengajaran memerlukan kesediaan mengajar iaitu satu perancangan harian yang perlu disediakan oleh guru sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran. Persediaan memulakan pengajaran adalah menyediakan maklumat tentang murid, isi kandungan atau topik yang akan dipelajari, bahan bantu mengajar dan aktiviti pembelajaran.

Keberkesanan set induksi ini adalah semasa permulaan pengajaran sepatutnya bermakna dan meninggalkan kesan kepada murid daripada aspek menarik perhatian. Ia dapat diukur melalui aktiviti yang menyeronokkan dan menimbulkan rasa ingin tahu dan bersesuaian dengan pengalaman murid. Kesannya akan memberikan murid input sepanjang pembelajaran berlaku.

Set induksi yang dirangka dan dijalankan dengan baik akan mewujudkan motivasi belajar yang tinggi terhadap pelajar supaya mereka memberi perhatian. Maka, guru perlu memulakan aktiviti mudah yang tidak mengambil masa yang panjang. Namun begitu, aktiviti pengajaran yang dirancang oleh guru perlu ada perkaitan dengan isi pengajaran dan selari dengan objektif pelajaran guru. Maka, guru perlu menerangkan secara berstruktur agar murid faham membuat perkaitan antara aktiviti dengan isi pengajaran yang disampaikan oleh guru.

### **1.10.2.2 Kemahiran Menerang**

Kemahiran mengajar boleh dibahagikan kepada beberapa kemahiran generik.

Antaranya ialah kemahiran generik tersebut adalah kemahiran menerang. Oleh itu, semua bakal guru perlu menguasai kemahiran-kemahiran asas ini supaya apabila mereka memulakan tugas sebagai seorang guru terlatih, mereka sudah mempunyai asas kemahiran mengajar yang mantap. Kemahiran menerang merupakan salah satu kepakaran guru yang wajib dikuasai oleh guru dalam membuat penyesuaian maklumat agar matlamat serta objektif asal perancangan pembelajaran dapat dipenuhi. Pelaksanaan pengajaran memerlukan guru untuk membuat adaptasi tertentu berdasarkan keadaan semasa di bilik darjah. Keadaan ini melibatkan pengetahuan, kemahiran serta kepakaran guru. Kemahiran asas mengajar yang merupakan set khusus tingkah laku yang boleh dikenalpasti diperlukan untuk melaksanakan fungsi pengajaran. Program pendidikan guru mestilah termasuk komponen latihan yang memberi tumpuan kepada pemerolehan kemahiran mengajar tertentu seperti kemampuan mengajukan pertanyaan yang dihendaki pelajar untuk berfikir dengan



lebih mendalam untuk menulis penilaian yang baik atau untuk menguruskan bilik darjah untuk memudahkan pembelajaran pelajar.

### **1.10.2.3 Kemahiran Menyoal**

Kemahiran mengajar boleh dibahagikan kepada beberapa kemahiran generik. Antaranya ialah kemahiran generik tersebut adalah kemahiran menyoal. Oleh itu, semua bakal guru perlu menguasai kemahiran-kemahiran asas ini supaya apabila mereka memulakan tugas sebagai seorang guru terlatih, mereka sudah mempunyai asas kemahiran mengajar yang mantap. Kemahiran menyoal adalah sebahagian daripada kemahiran komunikasi lisan. Kemahiran komunikasi lisan dapat mengukur keupayaan dan kebolehan seseorang guru itu untuk berkomunikasi dengan baik ataupun sebaliknya. Ini bermakna dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, penyoalan berupaya menggalakkan interaksi antara guru dan murid sekiranya disampaikan secara berkesan. Soalan yang dikemukakan oleh guru dapat mencungkil pengetahuan murid, mengukuhkan pelajaran yang disampaikan oleh guru, menguji atau menilai apa yang telah disampaikan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

Selain itu guru praktikum dapat menentukan tahap penguasaan tentang isi pembelajaran yang dikuasai oleh murid dengan kaedah penyoalan. Oleh itu, pengukuran objektif pembelajaran dapat ditentukan. Kemahiran menyoal guru hendaklah bersesuaian dengan tahap pemikiran murid kerana asas menyoal adalah untuk mengukuhkan kefahaman dan ingatan murid dalam isi pembelajaran.



Dari segi pencapaian, kemahiran menyoal murid merupakan salah satu penilaian yang disampaikan secara lisan dengan meningkatkan kefahaman murid. Tegasnya, seorang guru yang berkualiti ialah seorang guru yang dapat menyoal murid atau murid menyoal guru secara berkesan. Informasi yang ingin difahami dapat dikuasai dengan jelas melalui menyoal kerana soalan akan membimbing murid memberikan idea yang jelas, mengembangkan potensi berfikir dan menggerakkan daya imaginasi murid.

#### **1.10.2.4 Kemahiran Mengilustrasi dengan Contoh**

Kemahiran mengajar boleh dibahagikan kepada beberapa kemahiran generik.

Antaranya ialah kemahiran generik tersebut adalah kemahiran mengilustrasi dengan contoh. Oleh itu, semua bakal guru perlu menguasai kemahiran-kemahiran asas ini supaya apabila mereka memulakan tugas sebagai seorang guru terlatih, mereka sudah mempunyai asas kemahiran mengajar yang mantap. Mengilustrasi ialah suatu kaedah mengubah bentuk penyampaian misalnya ayat kepada gambar. Contohnya, guru praktikum membuat persembahan puppet untuk menyampai pembelajaran daripada hanya membaca petikan ayat. Kualiti guru tersebut dapat diukur dengan kepelbagaiannya dalam persembahan isi pembelajaran agar murid dalam memaksimumkan penguasaan terhadap isi pembelajaran.

Bahkan juga, mengilustrasi juga ialah satu kaedah menggunakan bahan ajar yang dapat disampaikan oleh guru dalam pelbagai bentuk iaitu pemaparan, penjelasan tentang pengetahuan, pengalaman dan ilustrasi fakta secara sistematis dan logik yang

dipergunakan. Penjelasan daripada guru yang diiringi ilustrasi lebih mudah difahami jika dibandingkan dengan penjelasan tanpa ilustrasi. Ilustrasi yang sering digunakan ialah menulis, melukis dan menunjuk. Sambil menunjukkan ilustrasi perlu ada bimbingan daripada segi penerangan daripada guru praktikum .

#### **1.10.2.5 Kemahiran Variasi Ransangan**

Kemahiran mengajar boleh dibahagikan kepada beberapa kemahiran generik. Antaranya ialah kemahiran generik tersebut adalah kemahiran variasi ransangan. Oleh itu, semua bakal guru perlu menguasai kemahiran-kemahiran asas ini supaya apabila mereka memulakan tugas sebagai seorang guru terlatih, mereka sudah mempunyai asas kemahiran mengajar yang mantap. Kemahiran variasi rangsangan ialah dirujuk kepada keupayaan seseorang mengeluarkan semula pengalaman yang lama dan yang telah lalu dan mengaitkan dengan isi pembelajaran. Guru perlu mendorong pelajar untuk mengimbas kembali memori dan pengalaman untuk disesuaikan dengan isi pembelajaran. Visualisasi yang terhasil dari variasi rangsangan bermaksud kebolehan memanipulasi, memutar atau mengulas secara mental atau pun menterbalikkan sesuatu perkara lepas secara bergambar yang diperlihatkan manakala kemahiran menvisualisasi ruang pula merupakan satu keupayaan dalam mengimaginasi sesuatu keputusan selepas menggabungkan bahagian sesuatu objek.

### 1.10.2.6 Kemahiran Komunikasi

Kemahiran mengajar boleh dibahagikan kepada beberapa kemahiran generik. Antaranya ialah kemahiran generik tersebut adalah kemahiran komunikasi. Oleh itu, semua bakal guru perlu menguasai kemahiran-kemahiran asas ini supaya apabila mereka memulakan tugas sebagai seorang guru terlatih, mereka sudah mempunyai asas kemahiran mengajar yang mantap. Guru berkomunikasi dengan pelajar untuk memberi pembelajaran. Interaksi guru secara lisan dan bukan lisan dengan mesej pembelajaran sepanjang pengajaran. Bahkan melalui komunikasi, hubungan yang komprehensif dalam kalangan pelajar, guru, pentadbir, ibu bapa dan komuniti akan meningkatkan kualiti pengajaran dan hubungan baik. Komunikasi merupakan peranan penting dalam segala aspek kehidupan terutamanya dalam dunia pendidikan. Proses pendidikan tidak berjalan jika tiada sebarang komunikasi yang berlaku antara guru dan murid.

Komunikasi merupakan sebuah bantuan umum yang menghubungkan aktiviti murid dengan guru. Semasa berkomunikasi, proses peralihan keilmuan daripada penyampai dan penerima akan terjalin. Guru umumnya perlu belajar untuk menggunakan komunikasi non-verbal dengan berkesan demi membangunkan pemahaman dan kemahiran dalam semua aspek proses komunikasi agar proses penyampaian ilmu berjaya disampaikan.

Potensi teknologi komunikasi sebagai alat yang boleh membantu dalam pengajaran dan pembelajaran amat dirasakan dalam sistem pendidikan terutamanya pada masa kini. Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan banyak teknologi berkomunikasi dalam



pendidikan yang meliputi aspek prasarana, pengisian dan latihan guru terutamanya kepada murid berkeperluan khas.

Zaman arus globalisasi ini mementingkan kemahiran komunikasi supaya dikuasai oleh setiap individu terutamanya pelajar praktikum. Proses komunikasi merupakan tunjang utama dan tidak dapat dielakkan bagi seseorang itu menjalankan aktiviti seharian.

#### **1.10.2.7 Kemahiran Mengukuh**

Kemahiran mengajar boleh dibahagikan kepada beberapa kemahiran generik.

Antaranya ialah kemahiran generik tersebut adalah kemahiran mengukuh. Oleh itu, semua bakal guru perlu menguasai kemahiran-kemahiran asas ini supaya apabila mereka memulakan tugas sebagai seorang guru terlatih, mereka sudah mempunyai asas kemahiran mengajar yang mantap. Kemahiran mengukuh boleh terlaksana dalam program pendidikan seperti contoh kokurikulu. Ia dapat menjalankan kegiatan berkumpulan yang dirancang sebagai lanjutan kepada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Bagi memastikan murid dapat menjadi pembelajar yang aktif dalam pembelajaran, maka guru perlu tahu dan mahir dalam mengukuhkan input pengajaran dan kemahiran yang disampaikan. Dengan cara itu, murid dapat menguasai dan mempraktikkan kemahiran tersebut pada masa akan datang.

Kemahiran mengukuh boleh dikelompokkan dalam pengurusan diri, pengurusan perhubungan, kesedaran sosial dan kesedaran diri. Ia harus diambil kira





sebagai elemen penting dalam merancang aktiviti sekolah yang akan meningkatkan tahap kemahiran dan kepimpinan guru.

#### **1.10.2.8 Kemahiran Menyusun Bilik Darjah**

Kemahiran mengajar boleh dibahagikan kepada beberapa kemahiran generik. Antaranya ialah kemahiran generik tersebut adalah kemahiran menyusun bilik darjah. Oleh itu, semua bakal guru perlu menguasai kemahiran-kemahiran asas ini supaya apabila mereka memulakan tugas sebagai seorang guru terlatih, mereka sudah mempunyai asas kemahiran mengajar yang mantap. Pengurusan bilik darjah merupakan peranan penting dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti pengajaran merupakan tugas utama seseorang guru. Maka seharusnya guru memperuntukkan masa yang banyak untuk mengurus dan menyusun PdPc untuk melaksanakan tugas pengajaran yang ditentukan .

Semasa waktu persekolahan, murid lebih banyak memperuntukkan masa di dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, guru memainkan peranan penting mengurus bilik darjah dengan susun atur yang kemas, bersih dan selesa untuk murid belajar dengan baik. Bilik darjah dikatakan mempengaruhi perlakuan murid.

Bilik darjah merupakan sesebuah tempat tumpuan utama sekolah terutamanya kepada murid murid. Pengurusan bilik darjah merujuk kepada keupayaan guru untuk menguruskan bilik darjah. Jika ditadbir urus dengan baik dan berkesan, ia mampu mengatasi masalah disiplin murid, mengawal tingkah laku murid yang mengakibatkan





gangguan dalam bilik darjah dan mendisiplinkan murid untuk mematuhi peraturan dalam bilik darjah.

Perubahan peranan oleh guru dalam bilik darjah bukan hanya sebagai tenaga pengajar dalam bilik darjah tetapi sebagai pembimbing, pemberi ransangan, menyiapkan tugas dokumentasi dan hal berkaitan sekolah secara menyeluruh. Justeru itu, guru perlu lebih cekap, berketerampilan, inovatif, kreatif, relekatif, futuristik dan analitik dalam mengimbangi masa yang diperlukan untuk mengajar. Menyedari kepentingan ini, bakal guru perlu sedar dan peka dengan tuntutan keperluan pendidikan pada masa ini.

#### **1.10.2.9 Kemahiran Demonstrasi**



Kemahiran mengajar boleh dibahagikan kepada beberapa kemahiran generik. Antaranya ialah kemahiran generik tersebut adalah kemahiran demonstrasi. Oleh itu, semua bakal guru perlu menguasai kemahiran-kemahiran asas ini supaya apabila mereka memulakan tugas sebagai seorang guru terlatih, mereka sudah mempunyai asas kemahiran mengajar yang mantap. Definisi kemahiran demonstrasi ialah sebuah cara membantu murid menjawab persoalan melalui fakta bagaimana sesuatu proses terjadi dengan tunjuk ajar yang realiti. Bertindak sebagai pembimbing, guru perlu menguasai kemahiran penyampaian dalam pembelajaran. Semasa melakukan pembelajaran, guru perlu mahir melakukan demonstrasi. Ia bagi memudahkan pembelajaran dan kefahaman murid untuk menguasai kemahiran lebih cepat.



Demonstrasi juga merupakan satu kaedah penyampaian yang senang dijalankan dengan menggunakan bahan dan tunjuk cara sepanjang pengajaran. Contohnya sepanjang kegiatan amali dalam subjek kemahiran. Bukan saja guru dapat menerangkan dengan jelas dan tunjuk cara dengan betul, bahkan kesannya kepada murid mampu membuatkan murid mencuba melakukan amali terus selepas penerangan. Bahkan juga, murid dapat menyoal semasa sesi penerangan sekali gus mendorong murid melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran.

#### **1.10.2.10 Kemahiran Mengurus Tingkah Laku**

Kemahiran mengajar boleh dibahagikan kepada beberapa kemahiran generik.

Antaranya ialah kemahiran generik tersebut adalah kemahiran mengurus tingkah laku.

Oleh itu, semua bakal guru perlu menguasai kemahiran-kemahiran asas ini supaya apabila mereka memulakan tugas sebagai seorang guru terlatih, mereka sudah mempunyai asas kemahiran mengajar yang mantap. Amalan profesional kemahiran mengurus tingkah laku yang terkawal menjadikan situasi yang timbul dalam ke arah pembelajaran yang bermakna. Guru yang profesional faham tentang pertumbuhan dan perkembangan murid seperti faham dan menggunakan teori yang relevan yang boleh menerangkan tentang tingkah laku murid. Guru juga mengurus tingkah laku dengan menunjukkan tingkah laku yang mengelakkan digniti, kredibiliti, kreatif, imaginative dan integriti terhadap profesion.

Pengurusan bilik darjah termasuklah mengurus tingkah laku murid merupakan kemahiran yang dicapai melalui pengalaman mengajar. Salah satu ciri yang asas untuk



menjadi guru yang baik adalah kemampuan mengurus bilik darjah dan mengawal tingkah laku murid agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar. Kemampuan mengawal tingkah laku murid menjadi sangat penting sekiranya untuk memotivasi murid untuk belajar.

Tahap ingin tahu dan minat akan meningkatkan tumpuan dan kebosanan akan dikurangkan. Ia sekaligus dapat membantu dalam mengawal masalah tingkah laku murid di dalam bilik darjah. Guru yang menggunakan naluri ingin tahu mengikut cara ini akan mendapat murid menjadi lebih berminat untuk belajar dan pengajaran mereka akan menjadi lebih efektif. Ia adalah kesan daripada naluri ingin tahu dan minat secara terbuka bergantung kepada suasana bilik darjah yang kondusif.



### **1.10.3 Guru Abad ke-21**

Abad 21 dikenal pasti sebagai abad yang penuh dengan pengetahuan kearah memacu ekonomi (knowledge-driven economies), perubahan maklumat yang pantas dan teknologi yang bergerak cepat. Semua ciri ini boleh dilaksanakan sekiranya bakal guru memahami peranan pendidik dalam konteks pendidikan abad ke-21.

Pengetahuan mengenai pedagogi guru menurut Abdul Rahim (2000) telah digunakan untuk menilai atau menentukan pengetahuan utama yang membezakan guru daripada seorang pakar bidang pengetahuan yang tidak mengajar. Seorang guru harus mempunyai keupayaan untuk mengubah isi kandungan yang dimilikinya kepada suatu yang lebih sesuai untuk pengajaran serta latar belakang dan kebolehan pelajar.



Pendidikan yang dikatakan berkualiti memerlukan guru mahir dan berkompetensi. Ia selaras dengan elemen Standard Guru Malaysia (SGM). Aspek dalam peranan guru abad ke-21 meliputi beberapa elemen.

Merujuk kepada SKPM (2010) dan SKPMg2, dalam Panduan Penarafan Bintang Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) turut menyenaraikan aspek yang sama iaitu:

- a) Guru bertindak sebagai perancang. Mereka merancang dan memastikan kesediaan dan persediaan rapi dilaksanakan dalam PdPc.
- b) Guru bertindak sebagai pengawal. Mereka mengawal pelaksanaan dan suasana pembelajaran sepanjang proses pembelajaran bagi memastikan PdPc berjalan lancar mengikut perancangan.
- c) Guru bertindak sebagai pembimbing murid untuk menguasai pengetahuan, kemahiran dan mengamalkan nilai berdasarkan objektif pembelajaran dirancang.
- d) Guru juga bertindak sebagai pendorong secara emosi untuk meningkatkan motivasi dan kemahiran insaniah murid.
- e) Guru juga bertindak sebagai penilai untuk mengesan penguasaan murid dan meningkatkan tahap rendah kepada tahap yang tinggi sepanjang PdPc.
- f) Murid pula sebagai pembelajar aktif. Dalam hal ini, mereka perlu menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran serta mengamalkan nilai murni yang positif.

#### 1.10.4 Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

Menurut Zamri (2012), beliau menyatakan bahawa bentuk PdPc pada abad ke-21 masih berpusatkan kepada guru, akan tetapi guru perlu memainkan peranan yang penting untuk melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran. Dalam e-book Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Di Sekolah (2014), persekitaran pembelajaran memerlukan perubahan daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan murid. Pembelajaran berpusatkan murid dilihat mampu merangsang murid berfikir melalui aktiviti penerokaan, penyelidikan dan pembelajaran berasaskan projek. Penglibatan guru seharusnya sebagai pemudahcara. Proses Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdP) berubah kepada PdPc berfokus kepada persekitaran KBAT dengan penggunaan alat berfikir dan teknik penyoalan sebagai medium pembelajaran.

Tiga unsur utama persekitaran pembelajaran KBAT melibatkan guru, murid dan bilik darjah.

#### 1.11 Rumusan

Kualiti guru menunjukkan bahawa tanggungjawab dan kualiti seorang guru memberikan kesan besar terhadap keberhasilan murid. Barber dan Mourshed (2007) dalam bukunya “*How the World’s Best Perfoming Systems Come Out on Top*” menyatakan bahawa kualiti guru sesebuah sekolah perlu melebihi kualiti sistem pendidikan sekolah di sekolah . Maka, dalam bab ini dilihat bahawa pengetahuan dan penguasaan guru penting dalam menjamin keberhasilan murid yang disasarkan oleh KPM.